

**JAWATANKUASA  
PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

**CADANGAN PINDAAN KEPADA  
PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

---

*“Bahawasanya mengikut perenggan (4), Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2024”*

---

**CADANGAN PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

**LATAR BELAKANG**

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor yang Kelima belas telah ditubuhkan pada dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Kelima Belas melalui peruntukan Peraturan 69, Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor:

- |  |           |
|--|-----------|
| 1) Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor)    | Pengerusi |
| 2) Y.B. Tuan Preakas A/L Sampunathan<br>(N50 Kota Kemuning)          | Ahli      |
| 3) Y.B. Tuan Dr Gunarajah A/L R George<br>(N48 Sentosa)              | Ahli      |
| 4) Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi<br>(N29 Seri Serdang ) | Ahli      |
| 5) Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah<br>(N26 Sungai Ramal)              | Ahli      |
| 6) Y.B. Puan Nurul Syazwani Binti Noh<br>(N09 Permatang)             | Ahli      |
| 7) Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham<br>(N17 Gombak Setia)         | Ahli      |

Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 28 Disember 2023, 20 Mac 2024, dan 29 Mei 2024 untuk membincangkan cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dan sebulat suara bersetuju untuk membentangkan draf cadangan pindaan seperti di **Lampiran A**.

Sehubungan itu, mengikut perenggan (4) Peraturan Tetap 69, usul ini dibawa ke dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor bagi membolehkan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap mengkaji, meneliti dan membincangkan draf cadangan tersebut seterusnya menyediakan penyata kepada Dewan berhubung cadangan pindaan tersebut.

Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mendapati pindaan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-peraturan berikut:

- a) Peraturan 36
- b) Peraturan 72
- c) Peraturan 41
- d) Peraturan 7

Dengan ini cadangan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan dipertimbangkan syor sepertimana yang terdapat di dalam cadangan untuk diterima pakai.



(LAU WENG SAN)

Pengerusi

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap

Dewan Negeri Selangor

9 September 2024

**Cadangan Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor**

**(I) ISI UCAPAN**

Dengan meminda Peraturan 36 seperti berikut:

**Peraturan 36**

- (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu.
- (3) Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Dewan dalam penggal persidangan yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi membatalkan keputusan Dewan berkenaan dengan perkara itu.
- (4) Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab **atau membuat pernyataan yang seksis.**
- (5) Seseorang ahli tidak dibenarkan untuk menyebutkan nama ahli lain.
- (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.
- (7) Nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu atau Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Melaka tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi Dewan.

## LAMPIRAN A

(8) Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu atau ~~Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Melaka~~ **Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri** atau Hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli Suruhanjaya Pilihan Raya atau sesiapa jua Raja atau Ketua Negara negeri-negeri yang bersahabat, tidak boleh dirujuk kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud itu.

(9) Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat mana-mana ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau mana-mana pegawai Kerajaan selain kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai Kerajaan.

(10) Adalah menyalahi peraturan untuk menggunakan—

- (a) perkataan derhaka kepada negeri;
- (b) perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan; atau
- (c) perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit hati atau bermusuhan antara satu kaum dengan kaum yang lain **atau antara satu agama dengan agama yang lain** dalam Malaysia.

(11) Jika pada timbangan Speaker bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan lagi di atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar Peraturan ini, maka Speaker berkuasa boleh menolak usul atau pindaan itu, ikut mana yang dikehendaki, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak boleh dibahaskan lagi.

(12) **Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Dewan dan ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.**

(II) **PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMILIH**

Dengan meminda tajuk dan Peraturan 72 seperti berikut:

Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pemilih

**Peraturan 72**

- (1) Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Dewan.
- (2) Jika seseorang ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong oleh kerana apa-apa sebab yang lain, maka Dewan atau jika Dewan telah ditangguhkan, Speaker hendaklah melantik seorang ahli lain jadi gantinya dengan seberapa segera memaklumkan bila Dewan bersidang semula dan, lantikan ini hendaklah menurut perenggan (1).
- (3) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik awal tiap-tiap penggal persidangan kerana menjalankan kewajipan yang diuntukkan baginya oleh Peraturan Peraturan Tetap ini, dan kerana menjalankan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Dewan dari satu masa ke satu masa.
- (4) Jawatankuasa Pemilih itu hendaklah mengandungi Speaker sebagai Pengerusi, dan enam orang ahli Dewan yang dipilih oleh Dewan, Jawatankuasa ini hendaklah memaklumkan kepada Dewan dengan mengeluarkan satu penyata apabila seseorang ahli Dewan telah dilantik jadi ahli sesebuah Jawatankuasa. Jawatankuasa Pemilih tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Dewan membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

### (III) ADAB AHLI YANG TIDAK BERCAKAP

Dengan meminda **Peraturan 41** seperti berikut:

#### **Peraturan 41**

Masa mesyuarat bersidang—

- (a) semua ahli hendaklah masuk, keluar atau berkelakuan dalam Dewan dengan tertib adab;
- (b) seseorang ahli tidak boleh melintas ruangan di tengah Dewan dengan tidak ada hal;
- (c) ahli tidak boleh membaca surat khabar, buku, surat atau lain-lain dokumen kecuali apa-apa yang ada kena mengena dengan urusan yang dibahaskan;
- (d) seseorang ahli tidak boleh merokok di dalam Dewan Mesyuarat;
- (e) sedang seseorang ahli itu bercakap, semua ahli hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab;
- (f) **ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, atau lounge suit; ahli-ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus berlengan panjang, atau skirt yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berlengan panjang; dan semua ahli boleh juga memakai pakaian istiadat, atau apa apa pakaian lain sebagaimana dibenarkan oleh Tuan Speaker.**

#### **(IV) BAHASA RASMI**

Dengan meminda **Peraturan 7** seperti berikut:

##### **Peraturan 7**

~~Bahasa rasmi Dewan adalah Bahasa Melayu dan, menurut Fasal (2) dan (3) dalam Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan, adalah juga bahasa Inggeris.~~

**Bahasa rasmi Dewan ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Speaker boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.**